

Tetap laksana VEP tanpa prejudis

Batu Pahat: Permit Masuk Kenderaan (VEP) yang dikenakan terhadap kenderaan bernombor pendaftaran asing akan terus dilaksanakan, sekali gus menggambarkan negara ini tidak mengamalkan diskriminasi terhadap negara tertentu.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, buat permulaan caj terbabit akan dilaksanakan di pintu utama sempadan Malaysia-Thailand sebelum diperluaskan ke pintu masuk lain.

Katanya, kementerian akan melaksanakannya secara berperingkat dan semua kenderaan yang mempunyai nombor pendaftaran asing memasuki negara ini melalui sempadan perlu membayarnya.

“Kita laksanakan ini sebagai ‘gambaran’ yang kita tidak diskriminasi negara tertentu, malah sudah lama membenarkan kenderaan asing menggunakan kemudahan jalan raya di negara ini tanpa sebarang bayaran.

“Ini kerana kenderaan pendaftaran negara ini (Malaysia) perlu membayar cukai jalan setiap tahun sebelum dibenarkan berada di atas jalan raya negara sendiri.

“Kita akan tetap laksanakan VEP ini walaupun kerajaan Singapura menyatakan akan menarik balik Caj Jalan Raya Timbal Balas (RRC) sekiranya kita menghapuskan VEP kepada kenderaan pendaftaran negara republik itu melalui Tuas dan Tambak Johor,” katanya, semalam.

Beliau berkata sedemikian pada program Gotong-Royong Balai Raya Kampung Bindu dan Sumbangan Tahun Baharu Cina di Kampung Bindu. Hadir sama Ketua MCA Sri Gading Teo Yew Chuan.